




Pelan Strategik MITI

Pelan Strategik MITI

KAJIAN SEMULA 2010



KANDUNGAN

muka surat

PERUTUSAN MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI 3

PRAKATA KETUA SETIAUSAHA 4
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

PENGENALAN

SEJARAH PENUBUHAN MITI 5

AGENSI-AGENSI MITI 7

PUNCA KUASA 9

VISI, MISI, OBJEKTIF DAN FUNGSI MITI 10

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (KRA) MITI 11

STAKEHOLDERS

PERSEKITARAN SEMASA DAN CABARAN UTAMA 13

STRATEGI TRANSFORMASI MITI DAN AGENSI 15

TERAS STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN 16

PENENTU KEJAYAAN MITI 21

HALA TUJU 23

PENUTUP 25



PERUTUSAN

Y.B. MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI



Pelan Strategik MITI 2008-2012 telah disediakan pada tahun 2008. Pelan Strategik tersebut kini telah dikaji semula yang mana ia sekarang merupakan satu dokumen yang menggariskan teras dan sasaran strategik MITI ke arah mencapai matlamat Kerajaan seperti yang digariskan dalam Model Ekonomi Baru (MEB) yang telah dilancarkan pada 30 Mac 2010.

Adalah diharap Pelan ini akan dapat dilaksanakan seiring dengan gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. MITI sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab ke atas pembangunan sektor pembuatan dan perkhidmatan yang merangkumi 84.3 peratus daripada ekonomi negara, akan memastikan bahawa gagasan Kerajaan dilaksanakan dengan jayanya. Dalam hal ini, warga MITI di semua peringkat akan terus diberi latihan dan pendedahan dalam bidang-bidang khusus bagi meningkatkan budaya berprestasi tinggi, berilmu dan berintegriti.

Kita semua maklum, sistem penyampaian yang berkesan dan cemerlang adalah penting untuk mencapai matlamat Kerajaan. Sehubungan dengan ini, Pelan Strategik MITI berserta pelan tindakan akan memberi ketelusan mengenai strategi yang akan dilaksanakan oleh MITI untuk meningkatkan sumbangan industri kepada ekonomi negara yang akan memberi manfaat kepada rakyat. Saya berharap stakeholders dan pelanggan MITI akan sentiasa bekerjasama dan memberi maklum balas agar pelaksanaan Pelan Strategik ini dapat mencapai

Dalam konteks pembangunan perindustrian dan perdagangan antarabangsa, Pelan Strategik ini diharap akan dapat meningkatkan pelaburan, mempelbagaikan produk-produk dan perkhidmatan, mengembang dan mengukuhkan enterpis kecil dan sederhana (EKS) serta menambahkan destinasi eksport negara selaras dengan visi MITI untuk menjadi destinasi pelaburan pilihan dan menjadi antara negara pedagang yang paling berdaya saing di peringkat global menjelang tahun 2020.

DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED

PRAKATA

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI



MITI merupakan salah satu agensi utama peneraju pembangunan ekonomi negara. Objektif dan peranan MITI adalah untuk berusaha ke arah meningkatkan daya saing global sektor pembuatan dan perkhidmatan negara. Antara fungsi utama Kementerian adalah untuk memantapkan sektor pembuatan dan perkhidmatan, meningkatkan eksport negara, membangun dan meningkatkan keupayaan Enterpis Kecil dan Sederhana (EKS) serta usahawan tempatan.

Selaras dengan visi MITI untuk menjadi destinasi pelaburan pilihan dan menjadi antara negara pedagang yang paling berdaya saing di peringkat global menjelang tahun 2020, Pelan Strategik MITI telah dikaji semula yang mana enam teras strategik telah dikenal pasti dalam usaha meningkatkan sumbangan sektor pembuatan dan perkhidmatan kepada ekonomi negara.

Pelan Strategik ini adalah sebuah dokumen yang dinamik dan disediakan sebagai panduan kepada warga MITI mengenai hala tuju jangka masa pendek dan sederhana Kementerian. Perubahan yang bersesuaian terhadap strategi dan pelan tindakan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut perkembangan ekonomi global.

Dalam merintis usaha ke arah kecemerlangan organisasi, MITI telah dianugerahkan Sijil Amalan Persekutuan Berkualiti (5S) pada 28 Mei 2009 dan merupakan Kementerian pertama di

Malaysia yang menerima anugerah ini. Selain itu, untuk memperkuatkannya lagi mutu perkhidmatan Kementerian, MITI juga telah berjaya menerima Sijil MS ISO 9001:2008 pada 11 September 2009 dan Sijil Cemerlang Pengurusan Kewangan 2008 pada 4 Oktober 2009.

Saya berharap semua warga MITI akan berganding bahu sebagai satu pasukan bagi mencapai visi dan misi Kementerian. Bagi tujuan ini, adalah penting bagi semua warga MITI menghayati sepenuhnya aspirasi Pelan Strategik serta melaksanakan semua tindakan, program dan aktiviti yang telah disenaraikan dalam Pelan Strategik ini.

TAN SRI ABDUL RAHMAN MAMAT

PENGENALAN

SEJARAH PENUBUHAN MITI



PENAMBAHAN BIDANG TUGAS KEMENTERIAN

2006

▶ **Bahagian Pembangunan Sektor Perkhidmatan (BPSP)**

Bertanggungjawab mengkoordinasi dan memantau pelaksanaan program dan aktiviti yang dijalankan oleh semua Kementerian, agensi dan pihak berkuasa untuk perkembangan sektor perkhidmatan Negara

2009

▶ **Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU)**

Bertanggungjawab untuk meneraju pembangunan keusahawanan di kalangan rakyat Malaysia, khususnya Bumiputera

FALSAFAH KORPORAT MITI

‘Negara Sebelum Diri’

‘Berkhidmat dengan Berdedikasi dan Berintegriti’

‘Kecemerlangan Dalam Usaha’

‘Pencapaian Secara Berpasukan’

‘Satu Kementerian, Satu Aspirasi’

PENGENALAN

AGENSI-AGENSI MITI



Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) adalah agensi utama Kerajaan bagi menggalakkan pelaburan dan menyelaras pembangunan perindustrian di Malaysia. MIDA membantu syarikat-syarikat yang berhasrat untuk melabur dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan serta memudahkan pelaksanaan dan operasi projek-projek mereka. Perkhidmatan yang disediakan oleh MIDA termasuk membekalkan maklumat mengenai peluang-peluang pelaburan dan membantu syarikat-syarikat yang mencari rakan-rakan usahasama.

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) bertanggungjawab untuk mempromosikan perdagangan luar Malaysia dengan memberi penekanan ke atas eksport produk dan perkhidmatan. Antara fungsi MATRADE ialah merangka dan mengimplementasikan strategi pemasaran eksport, menjalankan penyelidikan pasaran dan mewujudkan satu pangkalan data maklumat yang komprehensif untuk pembangunan dan peningkatan perdagangan luar Malaysia. MATRADE juga menganjurkan program latihan untuk meningkatkan kemahiran pengekspor Malaysia dalam pemasaran antarabangsa serta membantu pengekspor dalam bidang berkaitan perdagangan.



Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bertanggung-jawab menerajui pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti yang berhubung dengan produktiviti dan kualiti. Ini termasuk pembangunan sumber manusia dengan memberi tumpuan kepada peningkatan daya saing dan inovasi sejajar dengan misi nasional bagi meningkatkan keupayaan negara untuk bersaing di peringkat global.

Perbadanan Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Corp) bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan dasar dan program berkaitan pembangunan EKS yang dilaksanakan oleh 15 kementerian dan 60 agensi. SME Corp. merupakan pusat setempat bagi khidmat nasihat dan maklumat bagi EKS, menjalankan kajian berkaitan EKS, menyediakan sokongan perniagaan kepada EKS serta menjadi urus setia kepada Majlis Pembangunan EKS Kebangsaan.



Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (midf) adalah agensi yang berperanan untuk menjana pembangunan sektor pembuatan dan perkhidmatan di Malaysia melalui kemudahan pembiayaan kepada syarikat termasuk EKS. Kemudahan pembiayaan ditawarkan melalui skim-skim pinjaman mudah yang berlandaskan pembiayaan konvensional dan syariah.



Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank) berfungsi sebagai pusat kewangan dan pembangunan perniagaan setempat khusus untuk meningkatkan pertumbuhan EKS di Malaysia. SME Bank memberi bantuan dari segi kewangan dan bukan kewangan, serta menyokong pembangunan EKS melalui penyediaan khidmat nasihat.



Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) berperanan merancang dan melaksanakan strategi bagi meletakkan Malaysia sebagai Hab Halal dunia. Bagi mencapai visi ini, HDC melaksanakan beberapa strategi termasuk memperkasakan integriti halal, mengukuhkan jenama dan logo halal Malaysia, memangkin pembangunan taman-taman industri halal dan bertindak sebagai pusat rujukan berkaitan keperluan industri halal.

PUNCA KUASA



Visi

Untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan terpilih dan menjadi antara negara pedagang yang paling berdaya saing pada tahun 2020



Misi

Untuk mempromosi dan mengatur strategi daya saing global Malaysia di arena perdagangan antarabangsa dengan mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi.

Untuk memacu aktiviti-aktiviti pembangunan industri ke arah peningkatan pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020



Objektif



Untuk merancang, menggubal dan melaksanakan dasar-dasar perdagangan luar dan industri Negara supaya berkembang dengan pesat ke arah pencapaian dasar ekonomi negara dan Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju

Fungsi

Merancang, menggubal dan melaksanakan dasar-dasar pelaburan, pembangunan perindustrian dan perdagangan luar Negara

Merangka dasar dan strategi pembangunan perindustrian

Menggubal dan menggalakkan hubungan perdagangan dua hala dan pelbagaihala serta kerjasama perdagangan serantau

Merancang dan menggalak pembangunan prestasi eksport Malaysia di pasaran antarabangsa

Merancang, menyelaras dan mengesan pembangunan perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana

Memaju dan memperbaiki kemahiran pengurusan, penyeliaan dan keusahawanan amnya kepada golongan swasta dan khususnya kepada Bumiputera

Memastikan negara mendapat faedah yang maksimum daripada institusi pembuatan





BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (KRA) KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

- Meningkatkan jumlah eksport barang dan perkhidmatan Malaysia
- Meningkatkan pelaburan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan
- Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi/ berasaskan pengetahuan (*high income/knowledge-based*)
- Meningkatkan kadar dan tahap produktiviti dan inovasi dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan
- Meningkatkan dan membangunkan enterpis kecil dan sederhana (EKS) yang dinamik dan berdaya saing
- Meningkatkan dan membangunkan usahawan Bumiputera yang dinamik dan berdaya saing



STAKEHOLDERS



PERSEKITARAN SEMASA DAN CABARAN UTAMA

PENGENALAN

Program-program MITI dirangka bagi meningkatkan pembangunan dan mempercepatkan transformasi perdagangan dan perindustrian dengan mengambil kira perkembangan ekonomi dunia serta cabaran-cabaran baru di peringkat antarabangsa. Antara cabaran utama MITI ialah:

1. Liberalisasi Perdagangan dan Peningkatan Persaingan

Proses liberalisasi perdagangan menjadi semakin pesat di peringkat antarabangsa. Tren ini dapat dilihat dari peningkatan rundingan perjanjian perdagangan bebas dua hala dan serantau. Sehubungan itu, MITI perlu lebih proaktif untuk terlibat dalam perundingan perjanjian perdagangan dua hala dan serantau serta berusaha meningkatkan daya saing produk dan perkhidmatan negara.

Antara usaha lain yang diambil adalah menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik. Pengukuhan daya saing industri merupakan salah satu langkah untuk menggalak dan menarik pelabur asing melabur di Malaysia.

Dalam usaha ini, Malaysia perlu meningkatkan produktiviti melalui penggunaan tenaga kerja mahir, mengukuhkan keupayaan R&D dan meningkatkan kesediaan mengguna pakai teknologi.

2. Perdagangan Antarabangsa

Malaysia perlu mengukuh dan mempertingkatkan daya saing eksport bagi menambahkan nilai eksport negara dalam perdagangan global. Malaysia juga perlu memperbaiki kedudukannya sebagai salah sebuah negara perdagangan utama di peringkat antarabangsa.

3. Pelaburan

Persaingan untuk menarik pelaburan kini menjadi semakin sengit berikutan kemunculan ekonomi-ekonomi baru serta tren liberalisasi perdagangan dan pelaburan. Oleh yang demikian, menjadikan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelabur dari dalam dan luar Negara adalah antara cabaran utama yang harus diberi lebih tumpuan.

4. Penyumberan Luar dalam Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan

Bagi meningkatkan daya saing dan kecekapan operasi, amalan penyumberan luar (*out-sourcing*) menjadi tren sektor pembuatan dan perkhidmatan. Malaysia merupakan lokasi yang menarik bagi penyumberan luar. Oleh yang demikian, Malaysia perlu meningkatkan daya tarikan bagi mengambil peluang untuk menjadi destinasi pilihan aktiviti penyumberan luar.



5. Produktiviti dan Pembangunan Modal Insan

Malaysia kini menghadapi kekurangan pekerja mahir yang mempunyai kepakaran tinggi bagi menjalankan aktiviti industri bernilai tambah tinggi. Oleh itu, Malaysia harus memberi lebih tumpuan kepada pembangunan modal insan bagi melahirkan tenaga kerja mahir yang produktif, kreatif, inovatif dan berdaya saing untuk menghadapi suasana ekonomi yang sentiasa berubah.

6. Pembangunan Teknologi

Ekonomi global sedang melalui transformasi ke arah ekonomi berdasarkan pengetahuan, dengan teknologi memainkan peranan utama. Oleh yang demikian, usaha-usaha yang lebih giat perlu diambil untuk membangunkan keupayaan teknologi melalui aplikasi teknologi terkini serta peningkatan aktiviti R&D.

Penggunaan teknologi dan automasi yang meluas juga akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Industri perlu merasionalisasikan proses dan sistem serta menggunakan jentera dan kelengkapan yang berkeupayaan untuk mencapai tahap automasi yang lebih tinggi. Penggunaan ICT yang meluas merupakan salah satu pendekatan strategik untuk menambah baik pengurusan rantaian bekalan.

7. Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Penglibatan industri tempatan dalam R&D masih berkurangan yang mana sebahagian besar inisiatif R&D dijalankan oleh Kerajaan, MNC dan syarikat-syarikat besar. Dalam hal ini, Kerajaan menggalakkan sektor swasta untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti R&D bagi membolehkan industri tempatan mempunyai kelebihan berbanding pesaing dari segi kualiti, inovasi dan daya tarikan.

8. Persekutaran Operasi Perniagaan

Pewujudan persekitaran operasi perniagaan yang kondusif akan membolehkan industri memberi tumpuan kepada aktiviti perniagaan dan meningkatkan tahap kecekapan operasi dan produktiviti. Antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah sistem penyampaian awam, perundangan dan infrastruktur.

Dalam menjadikan sistem penyampaian awam lebih cekap, undang-undang serta peraturan-peraturan sedia ada perlu dikaji semula agar relevan. Di samping itu, penyediaan infrastruktur yang baik juga akan mempengaruhi kualiti pengeluaran serta daya saing sektor pembuatan dan perkhidmatan.

STRATEGI TRANSFORMASI

MITI DAN AGENSI

Pelan Strategik MITI menggariskan strategi bagi mencapai enam teras utama MITI yang merangkumi bidang pembuatan, perkhidmatan, pelaburan, perdagangan antarabangsa, enterpis kecil dan sederhana (EKS) dan pembangunan keusahawanan. Jentera pelaksanaan yang cekap dan berkesan adalah penting untuk menyokong pelaksanaan enam teras utama MITI. Jentera pelaksanaan yang dikenal pasti merangkumi perancangan strategik, pembangunan sumber manusia, struktur dan budaya pengurusan, pengurusan stakeholders dan pelanggan, pengurusan maklumat dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) yang berkesan dapat meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai negara perdagangan utama, menjana pelaburan dalam bidang yang disasarkan dan mengintegri syarikat Malaysia ke dalam rangkaian serantau dan global. Selain itu, IMP3 turut memberi fokus kepada sektor perkhidmatan sebagai sumber pertumbuhan utama, pembangunan dan aplikasi teknologi berintensifkan pengetahuan, pembangunan modal insan yang inovatif dan kreatif, pengukuhan peranan institusi sektor swasta dan pewujudan persekitaran operasi perniagaan yang berdaya saing.



TERAS STRATEGIK

DAN PELAN TINDAKAN

Selaras dengan Teras 1 Rancangan Malaysia Ke-9, iaitu meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi, teras strategik MITI yang juga merupakan fungsi-fungsi utama MITI adalah:



TERAS STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI		
Strategi	Pelan Tindakan	Indikator
<ul style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan eksport pembuatan dan perkhidmatan • Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK • Misi Perdagangan dan pelaburan (<i>Trade and Investment Missions-TIM</i>) 11 TIM – akan mewujudkan potensi dan jualan sebenar kepada 470 syarikat Malaysia • Misi Pembelian Baru (<i>Incoming Buying Missions-IBM</i>) 11 IBM – akan mewujudkan potensi dan jualan sebenar kepada 1,500 syarikat Malaysia • Pameran Perdagangan (<i>Trade Fair-TF</i>) 32 TF - akan mewujudkan potensi dan jualan sebenar kepada 1,700 syarikat Malaysia • Gerai-gerai Promosi (<i>Promotion Booths-PB</i>) 39 PB – akan mewujudkan potensi jualan kepada 450 syarikat Malaysia • Latihan Program Pengeksport (<i>Exporters Training Programmes-ETP</i>) 60 ETP – akan memberi faedah kepada 4,500 syarikat Malaysia untuk merebut peluang pasaran dan pembangunan pengeksport 	<ul style="list-style-type: none"> • Misi Penjualan Khusus (<i>Specialised Marketing/Selling Missions-SMM</i>) 40 SMM – akan mewujudkan potensi jualan dan jualan sebenar kepada 350 syarikat Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> 1.1. Nilai eksport pembuatan 1.2 Nilai eksport perkhidmatan

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Strategi	Pelan Tindakan	Indikator
<ul style="list-style-type: none"> 2. Meningkatkan pelaburan sektor pembuatan dan perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> • Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK 	<ul style="list-style-type: none"> Pelaburan Langsung Asing (<i>Foreign Direct Investment-FDI</i>): <ul style="list-style-type: none"> • Perdagangan dan Misi Pelaburan ke luar negara • Misi Projek Khusus untuk negara-negara sasaran bagi sub-sektor industri tertentu • Program Peneraju Industri (<i>Industrial Leaders Programme-ILP</i>) bagi menggalakkan industri tertentu Pelaburan Dalam Negeri (<i>Domestic Investment-DI</i>): <ul style="list-style-type: none"> • Seminar Pelaburan Dalam Negeri. Bengkel Industri Khusus dalam sub-sektor industri yang disasarkan dan peluang sumber luaran • Incentif khas untuk syarikat tempatan yang disasarkan • Memperhebatkan program sokongan industri melalui pemantauan teliti dan membantu serta membimbing dalam pelaksanaan projek pembuatan 	<ul style="list-style-type: none"> 2.1 Pelaburan diluluskan dalam sektor pembuatan 2.2 Pelaburan diluluskan dalam sektor perkhidmatan 2.3 Kadar pelaksanaan projek (projek pembuatan diluluskan)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Strategi	Pelan Tindakan	Indikator
<ul style="list-style-type: none"> 3. Mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi/berasaskan pengetahuan <ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan industri berintensifkan buruh serta berkemahiran rendah • Mengurangkan kebergantungan pada buruh asing • Meningkatkan industri berteknologi tinggi, bernilai tambah tinggi dan berintensifkan pengetahuan • Meningkatkan nisbah <i>Managerial Technical and Supervisory (MTS)</i> dan nilai ditambah untuk kelulusan incentif 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan industri berintensifkan buruh serta berkemahiran rendah • Mengurangkan kebergantungan pada buruh asing • Meningkatkan industri berteknologi tinggi, bernilai tambah tinggi dan berintensifkan pengetahuan • Meningkatkan nisbah <i>Managerial Technical and Supervisory (MTS)</i> dan nilai ditambah untuk kelulusan incentif 	<ul style="list-style-type: none"> 3.1 Peratusan Pengurusan, Teknikal Dan Penyeliaan (MTS) mengenai jumlah pekerjaan dicipta dalam sektor pembuatan

TERAS STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Strategi	Pelan Tindakan	Indikator
<ul style="list-style-type: none"> 4. Meningkatkan produktiviti dan inovasi dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> Untuk meningkatkan daya saing global Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> Perkongsian strategik Bina upaya Penyusunan dan penjenamaan semula Rangka kerja kecemerlangan perniagaan Ganjaran dan pengiktirafan Sistem produktiviti dan inovasi kumpulan inovatif dan kreatif (<i>Innovative Creative Circle-ICC</i>), Persekutuan Kualiti (5S), sistem upah berdasarkan produktiviti 	<ul style="list-style-type: none"> 4.1. Pencapaian Faktor Keseluruhan Produktiviti (TFP) 4.2. Jumlah projek inovasi yang diseragamkan 4.3. Produktiviti dan inovasi bagi setiap pekerja dalam sektor pembuatan 4.4. Produktiviti dan inovasi bagi setiap pekerja dalam sektor perkhidmatan 4.5. Jumlah syarikat yang dibantu dalam Program <i>Business Excellence Framework</i>

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Strategi	Pelan Tindakan	Indikator
5. Pembangunan EKS <ul style="list-style-type: none"> Pewujudan EKS yang dinamik dan kompetitif 	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan sistem 2-peringkat (2-tier) SCORE bagi enterpris mikro Menggalakan EKS menggunakan SME Competitive Rating for Enhancement (SCORE) Menubuhkan anak syarikat SME Corp khusus bagi SCORE 	<ul style="list-style-type: none"> 5.1. Peningkatan jumlah EKS yang akan dinilai di bawah SME Competitive Rating for Enhancement (SCORE) 5.2. Meningkatkan daya saing dan menambahbaik EKS- tahap 3 ke 5 bintang di bawah SCORE

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Strategi	Pelan Tindakan	Indikator
<ul style="list-style-type: none"> 6. Pembangunan Usahawan Bumiputera Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi Mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Industri Bumiputera 	<ul style="list-style-type: none"> Program-program latihan keusahawanan asas Seminar/dialog/klinik kesedaran Penubuhan pusat keusahawanan Program outreach Peningkatan kerjasama antara Persatuan Bumiputera dan bukan Bumiputera Pembangunan produk 	<ul style="list-style-type: none"> 6.1 Jumlah usahawan baru melalui program tajaan MITI 6.2 Jumlah enterpris Bumiputera yang ditingkatkan keupayaanya melalui program tajaan MITI



PENENTU KEJAYAAN MITI

• Pembangunan Kompetensi Modal Insan

Bagi meningkatkan kepakaran Modal Insan MITI di dalam beberapa bidang strategik dan kritikal, latihan terancang dan sistematik dilaksanakan dalam bidang-bidang berikut:

- kemahiran berkomunikasi;
- rundingan kerjasama ekonomi di peringkat antarabangsa;
- promosi pelaburan dan perdagangan;
- pembangunan industri pembuatan dan perkhidmatan;
- enterpis kecil dan sederhana;
- keusahawanan dan produktiviti; dan
- perancangan strategik

Di samping itu, MITI akan memastikan pegawai pelapis mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cekap, berintegriti dan berketrampilan untuk memastikan kecemerlangan MITI dalam bidang-bidang keutamaan.

• Kecemerlangan Organisasi

Keupayaan organisasi MITI akan terus diperkuuhkan ke arah merealisasikan strategi-strategi yang telah ditetapkan. Struktur organisasi MITI akan dimantapkan supaya lebih dinamik dan responsif terhadap perkembangan ekonomi dunia semasa. Pelaksanaan tugas secara berpasukan dan berdasarkan projek akan terus diperkuuhkan bagi menjamin penghasilan kerja yang lebih cemerlang. Di samping itu MITI akan terus menambah baik proses kerja cemerlang yang telah dicapai melalui pensijilan ISO serta mengekalkan amalan pesekitaran kualiti yang berlandaskan konsep 5S dan meningkatkan budaya kreatif dan inovatif melalui kumpulan ICC.

• Konsultasi dengan stakeholders

Bagi memastikan keberkesanan dasar-dasar yang digubal, MITI akan meneruskan proses konsultasi dengan stakeholders dan pelanggan bagi mendapat maklumbalas dan melaksanakan penyesuaian supaya dasar-dasar tersebut akan terus relevan selaras dengan perkembangan semasa.

• Pelan Strategik ICT

Bagi menjamin sistem maklumat yang mesra pengguna dan sentiasa relevan dengan kehendak pelanggan Pelan Strategik ICT MITI telah digubal untuk:

- pendayagunaan ICT dan multimedia untuk mencapai produktiviti yang lebih tinggi di MITI
- memudahkan berkongsi sumber antara MITI dan agensi dan agensi kerajaan lain melalui rangkaian telekomunikasi awam dan piawaian yang sama
- menjadi pelanggan yang berorientasi pada pemberian perkhidmatan
- membangunkan ISP bagi tempoh 5 tahun (2009-2013) untuk MITI yang selaras dengan Pelan Strategik ICT Sektor Awam Malaysia
- membangunkan hala tuju strategik dan rangka kerja ICT selaras dengan visi dan objektif MITI
- mengenal pasti *thrust area* di dalam teras bisnes MITI untuk dilaksanakan
- mengenal pasti serta merangka strategi ICT dan arkitektur teknologi
- mengenal pasti program ICT dan pelan pelaksanaan
- mengenal pasti dan mencadangkan piawaian, prosedur dan garis panduan untuk menyokong pelaksanaan ISP
- mengenal pasti kaedah/cara untuk mengukur pencapaian ISP
- menjalankan rangka kerja yang menentukan visi dan arah tuju untuk pembangunan dan penggunaan ICT di dalam MITI
- mengenal pasti objektif-objektif dan lokasi strategik untuk pembangunan ICT dan kegunaan MITI
- menggariskan strategi-strategi perlaksanaan dan tindakan untuk dijalankan

• Kajian Semula Pelan Strategik

Penilaian Pelan Strategik MITI akan dijalankan pada tahun 2012 untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan teras strategik dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Kajian Semula tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik MITI.

HALA TUJU




Gagasan pentadbiran Kerajaan telah dipaksikan kepada konsep 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Segala perancangan dan tindakan yang diambil bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kemajuan ekonomi; menjamin hak asasi manusia dan kebebasan media; serta meningkatkan kecekapan penjawat awam dan keberkesanannya sistem penyampaian perkhidmatan. Selaras dengan usaha ini, Y.A.B. Perdana Menteri telah mengumumkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) serta Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mewujudkan elemen kebertanggungjawaban yang serius di kalangan anggota pentadbiran dan penjawat awam. Selain itu, Program Transformasi Kerajaan (GTP) turut dilancarkan bagi memantapkan lagi sistem penyampaian awam. Bagi mencapai Program Transformasi Ekonomi (ETP) Kerajaan telah mengumumkan Model Ekonomi Baru yang memberi penekanan kepada ekonomi berpendapatan tinggi, keterangkuman dan kelestarian. Sebagai pelengkap kepada usaha-usaha ke arah mencapai status negara maju menjelang 2020, Kerajaan akan melaksanakan Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015 dan Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020.




Dalam mencapai Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) dan KPI, MITI berusaha untuk merealisasikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan dan menjadi antara negara pedagang yang paling berdaya saing di peringkat global menjelang 2020 melalui pelbagai penambahbaikan dan langkah-langkah baru. Ini termasuk pengkorporatan dan pemberian kuasa kepada MIDA untuk bertindak sebagai agensi utama penggalakan pelaburan dan penstrukturkan semula MPC menjadi lebih berkesan sebagai usaha memacu peningkatan produktiviti dan penambahbaikan kecekapan dalam sektor awam dan swasta.

Bagi memastikan pencapaian objektif MITI selari dengan aspirasi Kerajaan untuk menuju ke arah ekonomi berpendapatan tinggi seperti yang terkandung dalam Model Ekonomi Baru, MITI akan memastikan dasar-dasar yang digubal dan dilaksanakan adalah responsif terhadap perkembangan dan cabaran semasa ekonomi dunia. Sumbangan sektor-sektor nilai ditambah tinggi terutamanya sektor perkhidmatan akan dipergiatkan dan sumber-sumber pertumbuhan baru seperti bidang bioteknologi dan teknologi hijau akan diperkenalkan.



PENUTUP



Pelan Strategik MITI 2008-2012 telah disediakan pada tahun 2008. Pelan Strategik tersebut yang telah dikaji semula sekarang merupakan satu dokumen yang menggariskan teras strategik dan pelan tindakan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai ekonomi berpendapatan tinggi. Bagi menentukan pencapaian misi dan visi MITI, tumpuan akan diberikan kepada pembangunan modal insan, peningkatan kapasiti organisasi, keberkesaan dasar, pelaksanaan pelan strategik ICT dan pengurusan ilmu. Kajian Semula Pelan Strategik akan dijalankan secara berterusan bagi mengambil kira perubahan persekitaran ekonomi domestik dan global. Pelan strategik ini dirangka untuk menyediakan panduan kepada semua warga MITI ke arah peningkatan keupayaan dalaman dan pencapaian objektif organisasi.